

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas Datuk Shahrol Helmi, mantan CEO IMDB setelah PAC mendapati beliau bertanggungjawab di atas penyelewengan dan kecelaruan dalam akaun dan urustadbir IMDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC") menyatakan tidak terdapat sebarang penyelewengan dan kecelaruan dalam akaun dan urus tadbir IMDB, sebaliknya terdapat kelemahan di dalam urus

tadbir syarikat.

PAC juga telah meminta pihak agensi penguatkuasaan (*enforcement agency*, dengan izin) yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang selanjutnya. Justeru itu, Ketua Polis Negara telah memaklumkan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia (“PDRM”) akan meneliti saranan PAC jika wujud sebarang elemen yang memerlukan siasatan dan tindakan lanjut.